



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
OFG Perlepasan Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8998 8000 Fax: +60 3 8998 1000  
Website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### MCMC BERSAMA POLIS SEDANG MENELITI VIDEO AISYAH BFM

**CYBERJAYA, 21 Mac 2015 ---** Kes video oleh wartawan BFM Aisyah Tajuddin berkenaan hudud di Kelantan yang tersebar dalam media sosial semalam kini sedang dalam siasatan dan penelitian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Polis melakukan siasatan di bawah seksyen 505(b) Kanun Keseksaan kerana kenyataan yang mendarangkan khianat awam dan juga telah memohon bantuan MCMC untuk mendapatkan maklumat akaun YouTube Aisyah.

Menurut Pengurus MCMC, Dato' Sri Dr Halim Shafie, MCMC pula sedang menyiasat kes berkenaan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian.

"Kami telah memulakan siasatan sebaik sahaja menerima aduan daripada orang ramai berkenaan video ini dan telah menghubungi pihak PDRM untuk menghulurkan bantuan dalam siasatan," kata Dr Halim. "Kami juga sedang meneliti sudut pelanggaran Kod Kandungan oleh BFM dalam kes ini," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, Dr Halim turut memperingatkan orang ramai agar tidak memuat naik atau memaparkan mesej-mesej mahupun apa juar kandungan yang berbaur ugutan dalam talian kerana ianya salah di sisi undang-undang.

"Biarlah pihak berkuasa melakukan siasatan dulu. Beberapa individu di Pulau Pinang telah juga membuat laporan polis berkenaan ugutan bunuh dan rogol terhadap Aisyah, dan saya difahamkan bahawa pihak polis sedang menyiasatnya," terang Dr Halim.

**TAMAT**

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
OFG Perstarian Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)